| 2 | Setiausaha **Kewangan** |
| 3 | **Peguam Besar** Persekutuan |

**3. Jelaskan/terangkan pelantikan keanggotaan Majlis Perundangan Persekutuan 1955.**

| BIL | ISI/FAKTA | HURAIAN/CONTOH |
|---|---|---|
| 1 | **52 orang** dipilih melalui pilihan raya | Jumlah kesemuanya **100 orang** |
| 2 | **35 orang** ahli lantikan | Mewakili **kumpulan berkepentingan** |
| 3 | 11 orang **Menteri Besar** | Mewakili **negeri** masing-masing |
| 4 | **Dua** orang wakil Negeri-Negeri Selat | **Pulau Pinang** dan Melaka |

**4. Huraikan kesan penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan kepada penduduk Tanah Melayu.**

| BIL | ISI/FAKTA | HURAIAN/CONTOH |
|---|---|---|
| 1 | Kerajaan diketuai oleh **Tunku Abdul Rahman** | Sebagai **Ketua Menteri** |
| 2 | Mengambil alih tugas **pentadbiran Tanah Melayu** | Daripada **Pesuruhjaya Tinggi British** |
| 3 | Proses **pertukaran** dan pembaharuan secara berperingkat | **Mengambil masa** |
| 4 | **Pesuruhjaya Tinggi British** memegang kepimpinan peringkat atasan | Menentukan **hala tuju** negara |
| 5 | Kuasa British **beransur-ansur** diberi kepada rakyat tempatan | Pegawai British masih berperanan sebagai **penyelia** atau penasihat keselamatan |

**PERANAN KABINET PERTAMA PERSEKUTUAN TANAH MELAYU**

**5. Senaraikan anggota kabinet pertama.**

| BIL | ISI/FAKTA |
|---|---|
| 1 | Tunku Abdul Rahman |
| 2 | Dato’ Abdul Razak Hussein |
| 3 | Dr. Ismail Abdul Rahman |
| 4 | H.S Lee |
| 5 | V.T Sambanthan |
| 6 | Ong Yoke Lin |

**6. Senaraikan/nyatakan tiga jawatan yang melibatkan pegawai British dalam kabinet Persekutuan Tanah Melayu.**

| BIL | ISI/FAKTA |
|---|---|
| 1 | Setiausaha Kewangan |
| 2 | Setiausaha Hal Ehwal Ekonomi |
| 3 | Setiausaha Pertahanan |

**7. Terangkan/jelaskan latar belakang penubuhan kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu**

| BIL | ISI/FAKTA | HURAIAN/CONTOH |
|---|---|---|
| 1 | Dibentuk selepas **Pilihan Raya Umum 1955** | Memainkan pelbagai peranan ke arah **berkerajaan sendiri** |
| 2 | **Tunku Abdul Rahman** dilantik menjadi Ketua Menteri | Berkuasa menubuhkan **kabinetnya sendiri** bagi memastikan pentadbiran berjalan lancar |
| 3 | Dibarisi **10 orang menteri** | Mendapat **perkenan Raja-raja Melayu** seperti dalam Perlembagaan Persekutuan |

**8. Jelaskan/terangkan/bincangkan/huraikan peranan kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu.**

| BIL | ISI/FAKTA | HURAIAN/CONTOH |
|---|---|---|
| 1 | Membincangkan soal **kewangan** | Keperluan orang tempatan dalam **perkhidmatan awam** |
| 2 | Berasaskan **Model Webminster** | Sistem pemerintahan **demokrasi** mengikut British |
| 3 | Meminta **Kuasa Veto** Pesuruhjaya Tinggi dibatalkan | **Kuasa penuh** yang diberikan kepada pihak tertentu sahaja, kuasa pembatal |
| 4 | **Mengurangkan** kuasa pentadbiran British | Membincangkan isu **keselamatan** dalam negeri dan pertahanan |

**9. Senaraikan jawatan-jawatan lain yang dibentuk dalam kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu.**

| BIL | ISI/FAKTA |
|---|---|
| 1 | Ketua Menteri |
| 2 | Menteri Pelajaran |
| 3 | Menteri Pengangkutan |
| 4 | Menteri Buruh |
| | Menteri Pertanian |
| | Menteri Kesihatan |

**10. Huraikan/ bincangkan kepentingan/impak pembentukan kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu.**

| BIL | ISI/FAKTA | HURAIAN/CONTOH |
|---|---|---|
| 1 | Rakyat berjaya membentuk **kerajaan sendiri** | Kerajaan dipimpin oleh **rakyat tempatan** |
| 2 | Pemimpin terdiri daripada **pelbagai kaum** | Pemimpin tempatan **membangunkan** negara |
| 3 | Rakyat menentukan **hala tuju** negara | **Perkhidmatan awam** bercorak tempatan |
| 4 | Pengamalan prinsip **demokrasi** dijamin | **Kepentingan rakyat** diberi perhatian |

**HIMPUNAN SOALAN KBAT**

**1. Bagaimanakah pemilihan calon yang baik berupaya meneruskan kegemilangan negara?**

| BIL | ISI/FAKTA | HURAIAN/CONTOH |
|---|---|---|
| 1 | Berusaha memberikan **perkhidmatan** yang cemerlang | Mengutamakan **kepentingan umum** |
| 2 | **Bijaksana** menyelesaikan masalah | Seperti melalui **perbincangan** |
| 3 | Dapat mengelakkan perkara yang **tidak diingini** | Menghindari **perpecahan** dalam masyarakat |
| 4 | **Bijaksana** membuat keputusan | Mewujudkan **pentadbiran yang sistematik** |

**2. Bagaimanakah pelaksanaan proses pilihan raya memberi kesan kepada rakyat di negara kita?/ kepentingan pilihan raya**

| BIL | ISI/FAKTA | HURAIAN/CONTOH |
|---|---|---|
| 1 | Memberi kesedaran tentang kepentingan amalan **demokrasi** | Memberikan **pengalaman** kepada semua pihak |
| | | Seperti **calon** dan pengundi |
| 2 | Berperanan **membentuk**, menukar mahu pun mengekalkan kerajaan | Menjadi **panduan** kepada kemajuan negara |
| 3 | Mengukuhkan **perpaduan** pelbagai kaum | Memupuk **kerjasama erat** untuk membangunkan negara |
| 4 | Pilihan raya memberi **peluang** rakyat terlibat dalam pemerintahan | Menentukan **hala tuju** negara |

**3. Mengapakah/faktor kita perlu berasa bangga dengan pembentukan Kabinet Menteri di negara kita?**

| BIL | ISI/FAKTA | HURAIAN/CONTOH |
|---|---|---|
| 1 | Menteri **bertanggungjawab** ke atas tugas yang diberi | Dapat mewujudkan **kestabilan politik** |
| 2 | Berupaya memajukan **ekonomi** negara | Menarik kemasukan **pelabur luar** |
| | | Seperti pelabur **Jepun** dan China |
| 3 | **Pendapatan** negara meningkat | Negara berkembang **maju** |
| 4 | Dianggotai **pelbagai kaum** | Mampu **bersaing** dengan negara lain |

**4. Pada pendapat anda, mengapakah kewibawaan seseorang pemimpin penting dalam menerajui tampuk pentadbiran negara?**

| BIL | ISI/FAKTA | HURAIAN/CONTOH |
|---|---|---|
| 1 | Pemimpin **berani** berdepan dengan cabaran | Menyelesaikan cabaran melalui **rundingan** |
| | | Tun Dr Mahathir diiktiraf pemimpin yang **merencanakan** kemajuan ekonomi dan sosial |
| | | Kesannya cabaran yang timbul dapat ditangani secara **berhemah** |
| 2 | Semangat **berpasukan** | Mengalu-alukan **pandangan** daripada pelbagai pihak |
| | | Misalnya terbuka menerima cadangan dan **kritikan** |

| | | |
|---|---|---|
| | | Kesannya pemimpin negara perlu memiliki ciri kepimpinan **mengurus negara** dengan baik |

**5. Berdasarkan pengetahuan anda, buktikan bahawa kabinet pertama berjaya mewujudkan kerjasama antara kaum.**

| BIL | ISI/FAKTA | HURAIAN/CONTOH |
|---|---|---|
| 1 | Kabinet pertama terdiri daripada **pelbagai kaum** | Diberi **kepercayaan** bersama-sama menerajui pentadbiran |
| 2 | **Tunku Abdul Rahman** dilantik sebagai Ketua Menteri | **H.S Lee** memegang jawatan Menteri Pengangkutan |
| 3 | V.T **Sambanthan** memegang jawatan Menteri Buruh | Kesannya **berkompromi** menjalankan tugas yang diamanahkan |
| 4 | Wujud semangat **patriotisme** | Berbakti **memajukan** negara |
| 5 | Kesungguhan wakil setiap kaum **bekerjasama** | Mewujudkan **keharmonian** dan perpaduan di negara ini |

## BAB 9 – PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1957

### PERANAN SURUHANJAYA PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU

**1. Nyatakan/senaraikan anggota Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.**

| BIL | ISI/FAKTA | HURAIAN/CONTOH |
|---|---|---|
| 1 | **Lord Reid** | **Pengerusi** daripada Britain |
| 2 | Sir William **Ivor Jennings** | United Kingdom |
| 3 | Sir **William McKell** | Australia |
| 4 | Hakim **B. Malik** | India |
| 5 | Hakim **Abdul Hamid** | Pakistan |

**2. Jelaskan Terma Rujukan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu/ Isu-isu yang menjadi panduan Suruhanjaya bagi merangka dan menyusun perlembagaan?**

| BIL | ISI/FAKTA | HURAIAN/CONTOH |
|---|---|---|
| 1 | **Memeriksa aturan** perlembagaan yang di seluruh Tanah Melayu | Mengambil kira **kedudukan dan martabat** Ratu England dan Raja-Raja Melayu |
| 2 | Perlembagaan Persekutuan sebagai **unit tunggal**, bebas dan berkerajaan sendiri | Mewujudkan **kerajaan pusat** yang kuat |
| 3 | **Kerajaan negeri** juga mempunyai autonomi tertentu | Melindungi **kedudukan Raja-Raja Melayu** sebagai Raja Berperlembagaan |
| 4 | **Satu bentuk kewarganegaraan** bagi Persekutuan Tanah Melayu | Menjaga **kedudukan istimewa orang Melayu** dan kepentingan sah kaum lain |

**3. Bincangkan tugas Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.**

| BIL | ISI/FAKTA | HURAIAN/CONTOH |
|---|---|---|
| 1 | Meminta **cadangan** daripada semua penduduk | Secara **bertulis atau lisan** |
| 2 | Suruhanjaya menerima **memorandum bertulis** daripada pelbagai pihak | Meneliti **kedudukan perlembagaan** bagi negeri dalam Persekutuan |
| 3 | **Menghadap Raja-Raja Melayu**, Menteri Besar, Penasihat British dan pegawai negeri | Bermesyuarat dan **melawat** negeri Melayu serta Negeri-Negeri Selat |
| 4 | Mengadakan **persidangan** untuk membincangkan pelbagai isu | Sebanyak **118 perjumpaan** |
| 5 | Mengkaji, **membuat laporan** | Cadangan **membentuk perlembagaan** bagi negara merdeka |

**LANGKAH PENGGUBALAN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU YANG MERDEKA**

**4. Nyatakan/Senaraikan pihak-pihak yang memberi memorandum kepada Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan.**

| BIL | ISI/FAKTA |
|---|---|
| 1 | **Raja-raja Melayu** |
| 2 | **Parti politik** |
| 3 | **Badan awam** |
| 4 | **Orang perseorangan** |

**5. Terangkan isi kandungan memorandum daripada Raja-raja Melayu.**

| BIL | ISI/FAKTA | HURAIAN/CONTOH |
|---|---|---|
| 1 | Persekutuan yang **merdeka** | Ketua Negara iaitu **Yang di-Pertuan Agong** (YDPA) |
| 2 | YDPA dipilih oleh Raja-raja Melayu berdasarkan **kekananan** | Tempoh jawatan yang dicadangkan sebagai YDPA ialah **lima tahun** |
| 3 | YDPA boleh **meletak jawatan** dengan persetujuan Majlis Raja-Raja | Raja-raja Melayu melindungi **kedudukan istimewa** orang Melayu dan kepentingan sah kaum lain |

**6. Jelaskan soal kewarganegaraan yang dicadangkan oleh memorandum yang diterima/ kandungan memorandum yang diterima daripada parti politik dan pihak awam.**

| BIL | ISI/FAKTA | HURAIAN/CONTOH |
|---|---|---|
| 1 | Cadangan **Parti Perikatan** | Melalui memorandum **Testament Amanah** Politik Perikatan |
| 2 | **Dewan Perniagaan Melayu** | Memohon **mengetatkan** soal kewarganegaraan |
| 3 | Persatuan **Dewan Perniagaan Cina** se-Malaya | Menggesa kewarganegaraan menerusi **kelahiran** |
| 4 | Masyarakat **India** | Menuntut kewarganegaraan mereka **diteliti** |
| 5 | Masyarakat **Serani** | Kedudukan mereka **dipertahankan** |

**7. Jelaskan isi kandungan memorandum daripada MCA.**

| BIL | ISI/FAKTA |
|---|---|
| 1 | **Meneruskan** semua sekolah aliran Inggeris dan vernakular |
| 2 | Semua sekolah kebangsaan **mempelajari** Bahasa Inggeris, Melayu, Cina dan Tamil |

**8. Apakah draf perlembagaan yang telah dikeluarkan oleh Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu?/
Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 menjadi asas kepada pembentukan identiti negara dan bangsa Malaysia hari ini. Berikan ulasan anda.**

| BIL | ISI/FAKTA | HURAIAN/CONTOH |
|---|---|---|
| 1 | Meneruskan sistem **kerajaan Persekutuan** | Negeri mempunyai **kuasa tertentu** |
| 2 | Sistem kewarganegaraan berasaskan **jus soli** | Semua yang **lahir** di Tanah Melayu |
| 3 | Seorang **Yang di-Pertuan Agong** dipilih bagi Persekutuan Tanah Melayu | Raja-raja diterima dengan konsep **Raja Berperlembagaan** |
| 4 | Sebuah **parlimen** dengan dua Majlis Mesyuarat | Iaitu **Dewan Negara** dan **Dewan Rakyat** dibentuk |
| 5 | **Kedudukan istimewa orang Melayu** diteruskan | Mengiktiraf kedudukan **Bahasa Melayu** sebagai bahasa Kebangsaan |

**9. Bincangkan reaksi terhadap Draf Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.**

| BIL | ISI/FAKTA | HURAIAN/CONTOH |
|---|---|---|
| 1 | **UMNO** | **Tidak setuju** dengan konsep jus soli |
| | | Bimbang **kedudukan istimewa** orang Melayu tergugat |
| | | **Agama Islam** sebagai agama rasmi |
| | | **Bahasa Melayu** dijadikan bahasa rasmi |
| 2 | **Parti PAS** | **Mengkritik** soal kewarganegaraan |
| | | Dianggap tidak menjaga **kepentingan orang Melayu** |
| | | Mahu kedudukan agama Islam menjadi **asas** pemerintahan Islam |
| | | **Bahasa Melayu** dijadikan bahasa rasmi |
| 3 | **Dato Onn Jaafar (Parti Negara)** | **Menolak syarat kewarganegaraan** yang longgar |
| | | Parti Negara, PAS dan Parti Rakyat mengadakan **kongres** |
| | | Membincangkan **draf perlembagaan** |
| 4 | **Lain-lain** | Pertubuhan Cina -Ingin menjadikan **bahasa Mandarin** bahasa kebangsaan |
| | | MIC - Mahu **syarat kewarganegaraan** dan penggunaan bahasa Tamil diberi perhatian |

**PERJANJIAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU**

**10. Nyatakan pihak yang terlibat dalam pemeteraian Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.**

| BIL | ISI/FAKTA |
|---|---|
| 1 | Raja-raja Melayu |
| 2 | Sir Donald MacGillivray bagi pihak Queen Elizabeth II |

**11. Huraikan cara-cara pemberian kewarganegaraan dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.**

| BIL | ISI/FAKTA | HURAIAN/CONTOH |
|---|---|---|
| 1 | Setiap orang yang **dilahirkan** dalam Persekutuan Tanah Melayu | **Pada atau selepas hari merdeka** akan menjadi warganegara |
| 2 | Kewarganegaraan diberikan melalui **tiga cara** | Penguatkuasaan **undang-undang** |
| | | Memohon **didaftarkan** sebagai rakyat |
| | | Memohon untuk **menukarkan kewarganegaraan** atau naturalisasi |

**12. Bagaimanakah kedudukan agama Islam dan agama lain dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957?**

| BIL | ISI/FAKTA |
|---|---|
| 1 | Agama Islam sebagai **agama Persekutuan** |
| 2 | **Agama lain** boleh diamalkan dengan aman dan damai |

**13. Terangkan inti pati Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.**

| BIL | ISI/FAKTA | HURAIAN/CONTOH |
|---|---|---|
| 1 | **Raja Berperlembagaan** dan Demokrasi Berparlimen | Seorang raja dilantik sebagai **YDPA** |
| 2 | **Kewarganegaraan** | **Penguatkuasaan undang-undang**, memohon didaftarkan atau naturalisasi |
| 3 | **Kedudukan istimewa Orang Melayu** dan kepentingan sah kaum lain | Semua rakyat PTM mempunyai **hak dan kewajipan** yang sama |
| 4 | Kedudukan **Agama Islam** | Agama **Persekutuan** |
| 5 | Kedudukan **bahasa Melayu** | Sebagai **bahasa kebangsaan** |

**HIMPUNAN SOALAN KBAT**

**1. Jelaskan iktibar yang diperoleh daripada rundingan kemerdekaan.**

| BIL | ISI/FAKTA | HURAIAN/CONTOH |
|---|---|---|
| 1 | **Bersepakat** dalam perjuangan | **Kerjasama antara kaum** untuk mencapai kemerdekaan |
| | | Seperti **H.S Lee** dan Tunku Abdul Rahman |
| 2 | Mengutamakan **kepentingan nasional** | **Berani** menghadapi cabaran |
| 3 | Menghargai **pengorbanan** tokoh-tokoh terdahulu | Sanggup **berjuang** demi negara |
| | | Seperti **Tunku Abdul Rahman** dan Dato' Onn Jaafar |
| 4 | Mengembalikan **hak dan kebajikan** rakyat | Rakyat berhak **membentuk kerajaan** |

**2. Jelaskan ciri-ciri kepemimpinan tokoh-tokoh rundingan kemerdekaan yang boleh dicontohi dalam usaha mendapatkan kemerdekaan negara.**

| BIL | ISI/FAKTA | HURAIAN/CONTOH |
|---|---|---|
| 1 | **Bijak** menyusun strategi | Contohnya **menaiki kapal laut** |
| | | Tujuannya untuk **berbincang** dengan wakil Raja-raja Melayu |
| | | Menyusun strategi **bersama** apabila berunding dengan British |
| 2 | **Bersepakat** dalam perjuangan | **Kesepakatan** antara wakil Raja-raja Melayu dan wakil Parti Perikatan |
| | | Berjaya mencapai **misi** |
| 3 | **Bertolak ansur** | Antara ahli rombongan merdeka dan **pihak British** |
| | | Britih **bersetuju** memberi kemerdekaan kepada Tanah Melayu |

**3. Mengapakah tindakan yang dilakukan oleh rombongan kemerdekaan perlu dihargai oleh generasi masa kini?**

| BIL | ISI/FAKTA | HURAIAN/CONTOH |
|---|---|---|
| 1 | **Berpandangan jauh** | Berusaha **mempertahankan hak** |
| 2 | **Berstrategi** dalam perjuangan | **Bersatu padu** dalam kalangan masyarakat |
| 3 | Menggunakan **pendekatan** yang berhemah | Tidak menggunakan **kekerasan** |
| 4 | Berusaha mempertahankan **kedaulatan negara** | Mempunyai semangat **patriotisme** |

**4. Bagaimanakah permuafakatan mampu membawa kestabilan negara?**

| BIL | ISI/FAKTA | HURAIAN/CONTOH |
|---|---|---|
| 1 | Masyarakat yang **bersatu padu** | Memperjuangkan **hak dan kebajikan** rakyat |
| | | Misalnya rakyat bersama-sama **memajukan ekonomi** |
| | | **Pembangunan** dan kestabilan negara ditingkatkan |
| | | Keharmonian hidup rakyat terus **terpelihara** |

| | | |
|---|---|---|
| 2 | Menjamin perpaduan sentiasa **kukuh** | Misalnya rakyat pelbagai agama **bergaul mesra** tanpa ada isu-isu sensitif |
| | | Kesannya wujud **kesejahteraan** dalam masyarakat |

**5. Sejauh manakah kejayaan rombongan di London memberikan manfaat kepada kita?**

| BIL | ISI/FAKTA | HURAIAN/CONTOH |
|---|---|---|
| 1 | Mengembalikan **kedaulatan** negara | Ditadbir oleh **penduduk tempatan** |
| 2 | Mengekalkan sistem **pemerintahan beraja** | Mengamalkan **Raja Berperlembagaan** |
| 3 | Menguasai sumber **ekonomi** negara | Meningkatkan **taraf hidup** masyarakat |
| 4 | **Bahasa Melayu** menjadi bahasa rasmi | Menjadi **identiti** bangsa |

**6. Pelbagai faktor mempengaruhi kejayaan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan. Berikan penjelasan anda.**

| BIL | ISI/FAKTA | HURAIAN/CONTOH |
|---|---|---|
| 1 | Mendapat **sokongan** daripada semua pihak | Mengamalkan **permuafakatan** |
| 2 | Bersikap **terbuka** | **Bertukar-tukar** pendapat |
| 3 | Menyelesaikan masalah secara **bijaksana** | Seperti **rundingan** atau perbincangan |
| 4 | **Strategi yang berkesan** | Misalnya mengadakan **perjumpaan** |

**7. Wajarkah tindakan British melantik anggota Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dari negara luar dan bukannya daripada kalangan penduduk Tanah Melayu sendiri? Beri alasan anda.**

| BIL | ISI/FAKTA | HURAIAN/CONTOH |
|---|---|---|
| 1 | **Wajar** | Mempunyai **latar belakang** negara yang berbeza |
| | | **Pengalaman** dan kewibawaan mereka menjadi keutamaan |
| | | **Bijaksana** menjalankan tugas |
| | | Mempunyai pandangan yang **pelbagai** dan berbeza-beza |
| 2 | **Tidak Wajar** | Tidak memahami **latar belakang** penduduk Tanah Melayu |
| | | Tidak **mewakili** penduduk Tanah Melayu |
| | | Penduduk tempatan lebih **sesuai** merangka Perlembagaan Tanah Melayu |
| | | Lebih memahami **kehendak** pelbagai kaum di Tanah Melayu |

**8. Huraikan kepentingan rakyat menghormati perlembagaan negara.**

| BIL | ISI/FAKTA | HURAIAN/CONTOH |
|---|---|---|
| 1 | Memelihara **kestabilan politik** | Menjamin **keamanan** negara |
| 2 | Mewujudkan **keharmonian** dalam masyarakat | **Imej** negara meningkat |
| 3 | Memelihara **institusi raja** | Institusi beraja **dihormati** dan disanjung oleh rakyat |
| 4 | Membendung kadar **jenayah** | Seperti **meragut** dan membunuh |

**9. Impak sekiranya berlaku ketidakpatuhan terhadap perlembagaan negara kita.**

| BIL | ISI/FAKTA | HURAIAN/CONTOH |
|---|---|---|
| 1 | **Perpecahan** dalam masyarakat | Menjejaskan **kedaulatan** negara |
| | | Misalnya berlaku **pergaduhan** |
| 2 | Menjejaskan **ekonomi** negara | Menghalang kemasukan **pelabur luar** |
| | | Misalnya ekonomi negara **merosot** |
| 3 | Peningkatan masalah **sosial** | Menjejaskan **keharmonian** masyarakat |
| | | Misalnya **penyalahgunaan dadah** |

**10. Bagaimanakah pengamalan dasar tolak ansur boleh membantu pencapaian negara kita pada masa akan datang?**

| BIL | ISI/FAKTA | HURAIAN/CONTOH |
|---|---|---|
| 1 | Mewujudkan **kestabilan politik** | Menjamin pemerintahan yang **adil** |
| 2 | Memberikan **keyakinan** kepada pelabur | Seperti pelabur dari **Jepun** dan China |
| 3 | Memajukan **ekonomi** negara | **Pendapatan** negara meningkat |
| 4 | Mewujdkan **keharmonian** dan keamanan | Meningkatkan **ekonomi** negara |

## BAB 10 – PEMASYHURAN KEMERDEKAAN

### PENGERTIAN KEMERDEKAAN

**1. Jelaskan pengertian kemerdekaan mengikut tokoh-tokoh berikut:**

| BIL | ISI/FAKTA | HURAIAN/CONTOH |
|---|---|---|
| 1 | **Sayyid Jamal al-Din al-Afghani** | Perjuangan bagi **menghadapi penjajah** |
| | | Disertai **semangat kebangsaan** (jinsiyyah) |
| | | **Cinta akan tanah air** yang merdeka (wataniyyah) |
| 2 | **Rashdi Rida** | **Membebaskan diri** daripada penjajah Barat |
| | | Menghidupkan **sistem khalifah** |
| | | Menghapuskan **ikatan perkauman** |
| 3 | **Mahatma Gandhi** | **Pembebasan** rakyat India dari belenggu kemiskinan dan penindasan kasta |
| | | Kemerdekaan perlu merangkumi **politik, ekonomi dan moral** |
| | | Setiap negara berhak **menguruskan sendiri** negaranya |
| 4 | **Nelson Mendela** | Pertempuran terhadap sebuah **sistem yang menindas** |
| | | **Bebas dari perhambaan**, kemiskinan dan penderitaan |
| | | Seluruh rakyat perlu **bersatu** dalam satu negara menuju masa depan |
| 5 | **Soekarno** | Kemerdekaan bererti **bebas** selama-lamanya |
| | | Kebebasan untuk **berfikir,** bertindak daripada politik penindasan dan rejim autokratik |
| | | Kemerdekaan akan membentuk masyarakat **baharu** |
| | | Masyarakat yang demokratik tanpa **kelas dan kasta** |
| 6 | **Tunku Abdul Rahman** | Mewujudkan sebuah **negara baharu** yang berdaulat |
| | | Rakyat perlu **berkhidmat** untuk negara yang baharu |
| | | Berusaha dengan **tenaga dan fikiran** |
| | | Mencipta **satu bangsa baharu** dengan keadilan dan kebebasan |
| 7 | **Tun Dr. Mahathir Mohamad** | Merdeka ialah **bebas** dari cengkaman kuasa dan minda penjajah |
| | | Menghayati **semangat jiwa merdeka** dengan menyayangi negara sepenuh hati |
| | | Sanggup **berkorban** untuk negara |

### PERSEDIAAN MENYAMBUT PEMASYHURAN KEMERDEKAAN NEGARA

**2. Jelaskan latar belakang persediaan menyambut Pemasyhuran Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.**

| BIL | ISI/FAKTA | HURAIAN/CONTOH |
|---|---|---|
| 1 | Kemerdekaan negara **dinantikan** oleh seluruh rakyat | Beberapa **persediaan** diatur |
| 2 | Penubuhan **Jawatankuasa** | **Jawatankuasa Sambutan** diwujudkan |

| | | |
|---|---|---|
| | **Persediaan Fizikal** | |
| 3 | Upacara sambutan kemerdekaan **setiap negeri** juga diatur | Tumpuan sambutan di **Padang Kelab Selangor** dan Stadium Merdeka |

**3. Bincangkan tugas Jawatankuasa Persediaan Fizikal.**

| BIL | ISI/FAKTA | HURAIAN/CONTOH |
|---|---|---|
| 1 | Membina **Stadium Merdeka** | **Meraikan** kemerdekaan |
| 2 | Membina **Istana Negara** | Untuk **Yang di-Pertuan Agong** |
| 3 | Pemilihan **Lagu Kebangsaan** | **Lagu Negaraku** sebagai lagu kebangsaan |
| 4 | **Bendera** Persekutuan Tanah Melayu dicipta | **Dikibarkan** secara rasmi di Istana Sultan Selangor |
| 5 | Pemilihan **Bunga Kebangsaan** | **Bunga raya** dipilih sebagai bunga kebangsaan |
| 6 | Penggunaan **Jata Negara** | Diperkenankan oleh **Raja-Raja Melayu** |

**4. Apakah peranan Jawatankuasa Sambutan?**

| BIL | ISI/FAKTA | HURAIAN/CONTOH |
|---|---|---|
| 1 | **Hiasan lampu** | Bangunan di sekitar bandar, **jalan raya** dan Padang kelab Selangor |
| 2 | **Tempahan bendera PTM** | Ditempah dari kilang kain di **Jepun** |
| 3 | **Baju Muskat** untuk Menteri dan pegawai tinggi kerajaan | **Idea** Tunku Abdul Rahman |
| 4 | **Kursus protokol** | **3 hari** untuk 300 pegawai kerajaan |
| 5 | **Gaji seminggu awal** | Memberi peluang menyambut kemerdekaan |

**5. Terangkan/ jelaskan penubuhan beberapa jawankuasa lain bagi memastikan sambutan kemerdekaan negara berjalan lancar.**

| BIL | ISI/FAKTA | HURAIAN/CONTOH |
|---|---|---|
| 1 | **Jawatankuasa Pusat Perayaan Kemerdekaan** | Dipengerusikan oleh **Tunku Abdul Rahman** |
| 2 | **Jawatankuasa Kerja Pusat Merdeka** | Diketuai oleh Dato' **Abdul Razak Hussein** |
| 3 | **Jawatankuasa Perayaan Ibu Kota Persekutuan** | Dipengerusikan oleh **H.S Lee** |
| 4 | **Jawatankuasa Derma Perayaan Kemerdekaan** | **Mengutip derma** membantu perbelanjaan merdeka |

**6. Huraikan/terangkan persiapan sambutan di setiap negeri.**

| BIL | ISI/FAKTA | HURAIAN/CONTOH |
|---|---|---|
| 1 | **Kedah** | **Menabur bunga emas** dan perak dalam perayaan kemerdekaan |
| | | Bunga emas dan sebagai **bunga lawang ditabur** |
| | | Harapan **benih-benih padi** akan tumbuh dengan subur |
| | | Kehidupan petani akan lebih **makmur** |
| 2 | **Perlis** | Di Kangar rumah-rumah dan kedai yang **dihias diberikan hadiah** |
| | | Majlis memberikan **makanan** kepada kanak-kanak serta olahraga |
| | | Pertunjukan **kesenian** dan kebudayaan |
| | | Syarikat-syarikat bas di Kedah dan Perlis mengeluarkan **hadiah** kepada semua pekerjanya |
| 3 | **Pulau Pinang** | Upacara **menaikkan bendera** Persekutuan Tanah Melayu |
| | | Menurunkan **Union Jack** |
| | | Bacaan **doa selamat** dan kesyukuran di masjid-masjid |
| | | **Kenduri Merdeka** kepada golongan miskin |
| | | **Wayang gambar** percuma, pembacaan sajak, pancaragam |
| 4 | **Perak** | Acara **perbarisan kanak-kanak** sekolah, pengakap dan St. John Ambulans |
| | | **Peraduan menyanyi** |
| | | Orang ramai dibenarakan **memalu tabuh** atau gendang raya |
| | | **Ketuk-ketuk** selama 10 minit di masjid dan madrasah |

**DETIK PEMASYHURAN KEMERDEKAAN NEGARA**

**7. Terangkan kepentingan majlis upacara pemasyhuran kemerdekaan negara kita.**

| BIL | ISI/FAKTA | HURAIAN/CONTOH |
|---|---|---|
| 1 | Menandakan negara kita **bebas** daripada penjajahan British | Tanda **kerjasama** erat rakyat berbilang bangsa |
| 2 | Menandakan **kesyukuran** kerana mencapai kemerdekaan | Hasil **kesepakatan pemimpin** negara dan Raja-raja Melayu |
| 3 | Kejayaan mencapai kemerdekaan tanpa **pertumpahan darah** | Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka dan **berdaulat** |

**8. Galurkan detik pemasyhuran kemerdekaan negara pada malam 30 Ogos 1957.**

| BIL | ISI/FAKTA |
|---|---|
| 1 | **Wakil Parti Perikatan** dari Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura mengambil tempat |
| 2 | **300 orang pemuda** membentuk barisan kehormat |
| 3 | Semua lampu di padang dan di sekeliling **dipadamkan** |

| | |
|---|---|
| 4 | Laungan **"Merdeka"** oleh orang ramai |
| 5 | **Tunku Abdul Rahman** dibawa ke hadapan pentas menghadap ketiga-tiga tiang bendera |
| 6 | **Bendera Union Jack** diturunkan |
| 7 | **Bendera Persekutuan** Tanah Melayu dinaikkan |
| 8 | **Lagu Negaraku** yang diperdengarkan buat kali pertama |
| 9 | Pertunjukan **bunga api** pada malam merdeka dihadiahkan oleh kerajaan Jepun |

**9. Bagaimanakah sambutan peristiwa bersejarah di Stadium Merdeka pada 31 Ogos 1957?**

| BIL | ISI/FAKTA |
|---|---|
| 1 | **Perarakan barisan** pasukan tentera |
| 2 | Ketibaan **Tunku Abdul Rahman**, Raja-Raja Melayau, YDPA dan Duke dan Duchess Gloucester |
| 3 | Tunku **membaca Pemasyhuran Kemerdekaan** |
| 4 | Laungan '**Merdeka**' sebanyak 7 kali |
| 5 | **Laungan azan** rasa syukur terhadap kemerdekaan |
| 6 | **Menaikkan bendera** Persekutuan Tanah Melayu |
| 7 | Diiringi lagu kebangsaan **"Negaraku"** |
| 8 | **101 das tembakan** dilepaskan |
| 9 | Istiadat **Mengangkat Sumpah** Yang di-Pertuan Agong |
| 10 | Majlis **Jamuan** di Residensi bagi mengucapkan selamat jalan |

**10. Huraikan cara sambutan kemerdekaan di luar negara.**

| BIL | ISI/FAKTA | HURAIAN/CONTOH |
|---|---|---|
| 1 | **London** | Sambutan diadakan di **Trafalgar Square** |
| | | **Bendera Tanah Melayu** dinaikkan di Malaya House |
| | | Sambutan kemerdekaan **bermula** sejak 26 Julai dan berlangsung selama 36 hari |
| 2 | **Indonesia** | Perayaan selama **dua hari** secara besar-besaran |
| | | Radio Indonesia menyiarkan **ucapan** selama 8 malam berturut-turut |
| 3 | **Arab Saudi /** Amerika Syarikat/ Australia/ Jepun /Filipina /Burma/ Rusia | Turut mengadakan **sambutan merdeka** |

**KESAN KEMERDEKAAN TERHADAP NEGARA KITA**

**11. Terangkan/bincangkan/huraikan kesan kemerdekaan terhadap politik negara kita.**

| BIL | ISI/FAKTA | HURAIAN/CONTOH |
|---|---|---|
| 1 | Pengamalan Sistem **Raja Berpelembagaan** | **Yang di-Pertuan Agong** menjadi ketua utama |
| 2 | **Demokrasi Berparlimen** | Rakyat mempunyai kuasa **memilih kerajaan** |
| 3 | Pilihan raya memberi rakyat **hak bersuara** dan memilih wakil | Menentukan **hala tuju** masa depan negara |
| 4 | **Parlimen** berkuasa menggubal undang-undang di Persekutuan | **Dewan Undangan Negeri berkuasa** menggubal undang-undang di negeri |

**12. Kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu telah meninggalkan kesan pada peringkat antarabangsa. Bincangkan.**

| BIL | ISI/FAKTA | HURAIAN/CONTOH |
|---|---|---|
| 1 | **Dasar luar** diperkukuh melalui Kementerian Luar | Menjalinkan hubungan dengan **Indonesia**, India, New Zealand, Mesir dan Jepun |
| 2 | Negara kita menyertai pertubuhan **Komanwel** | Pertubuhan sukarela yang dianggotai oleh negara merdeka yang pernah **dijajah oleh British** |
| 3 | Tunku ingin mengekalkan **hubungan baik** dengan Britain dan Komanwel | Penyertaan dalam **Blok Sterling** |
| 4 | **Diiktiraf** Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) | Negara terlibat dalam **Misi Pengaman PBB** |

**13. Apakah kesan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu dalam bidang ekonomi?**

| BIL | ISI/FAKTA | HURAIAN/CONTOH |
|---|---|---|
| 1 | Kerajaan **mempelbagaikan keluaran pertanian** | Tidak hanya bergantung pada **pengeluaran getah** |
| 2 | Menambahkan **peluang pekerjaan** | Mengurangkan kadar **kemiskinan** |
| 3 | Penubuhan **FELDA** | Memajukan **tanah baharu** secara besar-besaran |
| 4 | **Institusi Kewangan Tempatan** | **Malay National Bank** |
| 5 | Rancangan **Buku Merah** | Projek berkaitan dengan **kemudahan asas** |

**14. Terangkan/ huraikan/ jelaskan kesan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu dalam bidang sosial.**

| BIL | ISI/FAKTA | HURAIAN/CONTOH |
|---|---|---|
| 1 | Kerajaan mengeluarkan **Penyata Rahman Talib** | Mengkaji semula Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 |
| 2 | Penubuhan **Dewan Bahasa dan Pustaka** | **Kedudukan Bahasa Melayu** semakin kukuh |
| 3 | Bahasa Melayu dijadikan **bahasa kebangsaan** | **Jabatan Penerangan** menyampaikan maklumat dalam dan luar negara |
| 4 | Penyediaan **kemudahan asas** dan infrastruktur | **Merapatkan jurang** antara penduduk bandar dan luar bandar |

**PRINSIP KEDAULATAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU**

**15. Huraikan prinsip kedaulatan negara kita sebagai sebuah negara merdeka dan berdaulat.**

| BIL | ISI/FAKTA | HURAIAN/CONTOH |
|---|---|---|
| 1 | Kedaulatan merujuk **kuasa tertinggi** | Negara **bebas** daripada kuasa luar |
| 2 | PTM memperoleh **kedaulatan** | Membuat **keputusan** tentang hal yang berhubung dengan pentadbiran dan politik |

| | | |
|---|---|---|
| 3 | **Wilayah Pengaruh** | Kawasan yang mempunyai **sempadan** untuk membentuk PTM |
| 4 | **Kerajaan** | **Institusi** yang menguruskan dan mentadbir negara |
| 5 | **Kedaulatan Undang-undang** | Kerajaan dan rakyat **tertakluk** di bawah undang-undang |
| 6 | **Lambang Kebangsaan** | Jata Negara, **Lagu Kebangsaan**, Bendera Kebangsaan, Bunga Kebangsaan |

**HIMPUNAN SOALAN KBAT**

**1. Mengapakah kita perlu meraikan sambutan kemerdekaan di negara kita?**

| BIL | ISI/FAKTA | HURAIAN/CONTOH |
|---|---|---|
| 1 | Menghargai **sumbangan** tokoh kemerdekaan | Seperti **Tunku Abdul Rahman** |
| 2 | Melahirkan rasa **kesyukuran** | Negara merdeka dan **berdaulat** |
| 3 | Menzahirkan rasa **bangga** | Pemimpin menetukan **hala tuju** negara |
| 4 | Memupuk semangat **patriotisme** | Berusaha **mengekalkan** kemerdekaan dan kedaulatan |

**2. Bagaimanakah anda boleh menyumbang terhadap kedaulatan Malaysia hari ini?**

| BIL | ISI/FAKTA | HURAIAN/CONTOH |
|---|---|---|
| 1 | Mengukuhkan **perpaduan** dalam masyarakat | Mempunyai **jati diri** yang tinggi |
| 2 | Mendukung prinsip **Rukun Negara** | Setia kepada **raja dan negara** |
| 3 | Menghormati **institusi beraja** | **Mematuhi** undang-undang negara |
| 4 | Bersedia **mempertahankan negara** | **Tidak bersubahat** dengan kuasa luar |

**3. Sejauh manakah impak yang akan berlaku sekiranya negara kita masih dijajah oleh kuasa barat?**

| BIL | ISI/FAKTA | HURAIAN/CONTOH |
|---|---|---|
| 1 | Penjajah mengutamakan **kepentingan s**endiri | Contohnya **mengeksploitasi ekonomi** |
| 2 | Memperkenalkan **sistem birokrasi** | **Membebankan** hidup rakyat |
| 3 | **Politik** dikuasai oleh penjajah | Rakyat tidak diberi **peluang** dalam pentadbiran |
| 4 | Rakyat tempatan dianggap sebagai **kelas kedua** | **Taraf hidup** rakyat sangat rendah |

**4. Iktibar yang boleh diambil daripada peristiwa pemasyhuran kemerdekaan ialah kerjasama dan persefahaman seluruh rakyat menjamin kedaulatan negara kita. Beri hujah anda.**

| BIL | ISI/FAKTA | HURAIAN/CONTOH |
|---|---|---|
| 1 | Mengekalkan **keharmonian** antara kaum | Semua rakyat perlu mempertahankan **kedaulatan** |
| 2 | **Hormat-menghormati** antara satu sama lain | Kedaulatan negara adalah **tanggungjawab bersama** |
| 3 | Menjaga **kestabilan politik** negara | Menjaga **imej** negara |
| 4 | Menjamin **kemajuan** negara berterusan | Memiliki sikap **kreatif dan inovatif** untuk memajukan negara |

**5. Jelaskan manfaat yang diperoleh negara kita daripada hubungan dengan negara lain.**

| BIL | ISI/FAKTA | HURAIAN/CONTOH |
|---|---|---|
| 1 | Memajukan **ekonomi** negara | **Hasil eksport** negara dipertingkatkan |
| 2 | Menarik kemasukan **pelabur luar** | Meningkatkan **pendapatan negara** |
| 3 | Mengadakan **pertukaran teknologi** | Dengan negara maju seperti **Amerika Syarikat** dan Jepun |
| 4 | **Kestabilan politik** | **Imej** negara meningkat di mata dunia |

**6. Pelibatan semua pihak mampu mengekalkan keberkesanan pentadbiran negara. Bagaimanakah ia dapat diterapkan dalam kalangan masyarakat hari ini?**

| BIL | ISI/FAKTA | HURAIAN/CONTOH |
|---|---|---|
| 1 | Rakyat menyokong **dasar-dasar kerajaan** | Mengutamakan **kepentingan umum** |
| 2 | Memahami dan **mematuhi** perlembagaan negara | **Kadar jenayah** dapat dikurangkan |
| 3 | Mengelakkan perbincangan secara terbuka **isu-isu sensitif** | Seperti **kedudukan istimewa orang Melayu** |
| 4 | **Kerjasama** antara kaum | **Keharmonian** dalam negara terjamin |

**7. Jelaskan sifat-sifat yang perlu dimiliki oleh generasi muda hari ini untuk mengekalkan kedaulatan negara?**

| BIL | ISI/FAKTA | HURAIAN/CONTOH |
|---|---|---|
| 1 | Berani menegakkan **kebenaran** | Berpendirian **teguh** |
| 2 | Bijaksana membuat sesuatu **keputusan** | Seperti **berbincang** atau mesyuarat |
| 3 | Bijaksana **merancang strategi** | Untuk mencapai sesuatu **matlamat** |
| 4 | **Berilmu pengetahuan** | Menguasai pelbagai bidang **kepakaran** |